

## Dr. Hj Kasim dilantik sebagai Komandan Kor Suksis UMS

Prof. Madya Dr. Hj Kasim Hj Md Mansur, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS telah dilantik sebagai Komandan Kor SUKSIS UMS pada 7 April yang lalu dalam satu upacara Penyampaian Sijil Perlantikan Komandan Kor Suksis yang berlangsung di Galeri Majlis, UMS.

Perlantikan tersebut, yang membawa kepada pangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis, adalah bagi menggantikan mantan Komandan, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin yang telah bersara. Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Noor Rashid Ibrahim yang menyampaikan sijil perlantikan kepada Prof. Madya Dr. Hj Kasim. Turut hadir ialah Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Terdahulu, dalam ucapan Datuk Noor Rashid, beliau menegaskan bahawa betapa pentingnya

kewujudan persatuan beruniform seperti Kor Suksis di IPTA dalam membentuk jati diri dan perwatakan mahasiswa serta mendidik mereka menjadi lebih berdisiplin, mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang tinggi serta bertanggungjawab.

"Pihak PDRM amat berbangga kerana dapat bekerjasama dengan pihak universiti dalam menerapkan semua nilai positif sejajar dengan hasrat kerajaan bagi membentuk generasi muda yang memiliki personaliti unggul selari dengan gagasan 1Malaysia seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak,"katanya.

Tambahnya, sebagai Pesuruhjaya Polis Sabah, beliau akan sentiasa memastikan segala program Kor SUKSIS yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kor SUKSIS merupakan salah satu badan beruniform yang berada di bawah kelolaan PDRM dan secara tidak langsung juga Kor Suksis turut berperanan memegang amanah dengan menjadi mata dan telinga PDRM untuk mengatasi masalah jenayah khususnya di dalam dan luar kampus.

